SAMPEL PERCUMA

Skema Jawapan Percubaan Sejarah STPM Semester 1 2021

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 5 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

JAWAPAN PERCUBAAN SEJARAH SEMESTER 1/2021

1.Bincangkan ciri-ciri masyarakat feudal di Jepun pada abad ke-16 m dan 17 m.

A. PENGENALAN

1. Masyarakat feudal merujuk kepada masyarakat berhierarki yang mempunyai susunlapis tersendiri. Penguasaan terhadap tanah akan menentukan kedudukan kuasa dan status sesuatu golongan dalam masyarakat.
2. Zaman Tokugawa, maharaja dianggap sebagai ketua Negara (paling tinggi) tetapi tiada kuasa pemerintahan.Terdapat beberapa aspek yang mencirikan masyarakat feudal pada zaman ini di Jepun.

B. ISI

1. Kedudukan Maharaja

Pada zaman keshogunan Tokugawa, maharaja tidak mempunyai kuasa dalam pemerintahan dan pentadbiran.Walaupun maharaja adalah ketua Negara tetapi kuasa sebenar terletak di tangan shogun. Tokugawa Ieyasu telah mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan kedudukan dan pengaruhnya. Beliau memperkenalkan undang-undang dan peraturan bagi mengurangkan pengaruh maharaja dan putera raja. Maharaja tinggal terpencil di Kyoto. Manakala pusat pentadbiran terletak di Edo.

2. Kedudukan Shogun

Pada zaman Shogun Tokugawa, kuasa pemerintahan terletak pada shogun. Tokugawa Ieyasu mengukuhkan kedudukan dengan menubuhkan pasukan tentera yang kuat. .Tokugaa Ieyasu menyerahkan pentadbiran wilayah kepada vassal yang setia kepadanya. Beliau meningkatkan kekayaan dengan melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi komersial
dan perlombongan.Beliau mengawal golongan daimyo yang menguasai daerah.

3. Kedudukan Samurai

Golongan samurai mempunyai kedudukan istimewa dalam masyarakat feudal di Jepun.Mereka terdiri daripada panglima perang yang bertanggungjawab memelihara keamanan negara. Golongan samurai berkhidmat kepada golongan bangsawan dan mereka tidak dibenarkan melakukan kerja lain Mereka digunakan oleh golongan bangsawan untuk mempertahankan hak dan keselamatan mereka.Mereka tidak dibenarkan memiliki tanah, dan bergantung kepada bekalan beras yang
diberikan oleh daimyo.Golongan samurai mempunyai minat dalam bidang kesenian dan kesarjanaan. Pemilikan ilmu dianggap perkara mulia di kalangan pahlawan di Jepun.

4. Pemilikan Tanah

Pada zaman keshogunan Tokugawa, wilayah diserahkan kepada vassal yang setia kepada
shogun.Shogun memberikan tanah kepada tuan tanah (daimyo) yang setia kepadanya. Tuan tanah yang setia akan mengawasi gerak-geri daimyo yang diragui kesetiaannya.Tokugawa Ieyasu megambil langkah untuk merampas tanah daripada daimyo yang menentang pemerintahannya.Tanah yang dirampas diserahkan kepada tentera dan tuan tanah yang setia kepadanya. Shogun melantik gundai dan daikin untuk mentadbir dan menguruskan tanah miliknya.

5. Kewajipan peribadi

Wujud hubungan peribadi antara shogun dan daimyo (tuan tanah). Shogun menyerahkan tanah kepada golongan daimyo yang setia kepadanya.Sebagai balasan, daimyo akan membantu shogun dalam pentadbiran dan ketenteraan. Dalam hal ini, kedua-dua pihak saling bertanggungjawab terhadap kepentingan bersama.

6. Mobiliti Sosial

Masyarakat feudal Jepun pada abad ke-16 dan 17 M terdiri daripada beberapa lapisan yang mempunyai kedudukan ekonomi, sosial dan politik yang berlainan.Kedudukan dan status masyarakat ditentukan berdasarkan keturunan dan sistem kelas. Dalam hal ini, perubahan status dan mobiliti sosial dalam masyarakat feudal di Jepun jarang berlaku

C. KESIMPULAN

i. Pada zaman Syogun Tokugawa, sistem feudal di Jepun kukuh dan mantap.
ii. Masyarakat feudal Jepun masih berpegang teguh dengan ciri-ciri yang terdapat dalam sistem ini.

Catatan: Calon seharusnya dapat menghuraikan ciri-ciri masyarakat feudal di Jepun pada abad ke 16 dan 17 masihi

2. Huraikan peranan pembesar di China pada zaman pemerintahan Dinasti Ching.

Pendahuluan

Pembesar merupakan golongan yang dilantik oleh maharaja untuk menjalankan pemerintahan di peringkat pusat dan wilayah. Golongan pembesar di China terdiri daripada individu yang menerima Pendidikan Confucius dan pelantikan mereka adalah berdasarkan pencapaian dalam peperiksaan perkhidmatan awam.Sistem pembesar merupakan tulang belakang kepada maharaja untuk mempertahankan kedudukannya.Pembesar mempunyai peranan penting di peringkat pusat dan wilayah.

Isi

1. Pentadbiran

Pembesar membantu maharaja menjalankan pentadbiran di peringkat pusat dan wilayah. Mereka membantu maharaja dalam menyelia dan menyelaras enam badan kementerian dalam pentadbiran pusat. . Mereka juga perlu memaklumkan kepada maharaja segala perjalanan enam badan kementerian ini.Mereka juga memberi nasihat kepada maharaja dan mencadangkan pelantikan dan pemecatan pegawai kerajaan kepada maharaja.Mereka juga menguruskan kenaikan pangkat kakitangan awam. Mereka memegang jawatan penting di peringkat pusat dan wilayah seperti memegang jawatan dalam jabatan awam, jabatan hukuman dan jabatan perkhidmatan. Pembesar juga dilantik oleh maharaja sebagai gabenor dan majistret. Gabenor akan mengetuai pentadbiran di peringkat province daan dibantu oleh pesuruhjaya-pesuruhjaya kewangan,kehakiman, dan Pendidikan.Pentadbiran di peringkat daerah pula diterajui oleh majistret daerah. Mereka diberi kuasa autonomi dalam mnjalankan pentadbiran di wilayah. Mereka juga diberi kuasa autonomi untuk menjalankan pentadbiran di wilayah. Antara tugas utamanya ialah mengawasi semua aktiviti pentadbiran dan mendakwa pegawai-pegawai yang menyeleweng. Pembesar juga berperanan sebagai censorate menjdi mata dan telinga kepada maharaja.

2.Perundangan

Pembesar membantu maharaja menggubal undang-undang seperti Sekretariat Agung yang merupakan badan terpenting dalam pentadbiran di peringkat pusat.Mereka juga memainkan peranan dalam menetapkan dasar negara dan menguatkuasakan arahan dan titah perintah maharaja.Mereka juga menyediakan draf undang-undang edit dan warkah diraja.

3.Kehakiman

Pembesar memainkan peranan dlm bidang kehakiman dan mempunyai kuasa membicarakan kes-kes di peringkat pusat dan wilayah. Lembaga Keadilan ditubuhkan untuk menguruskan hal ehwal kehakiman.Pembesar-pembesar yang mengganggotai Lembaga ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman , memberi pengampunan dan membicarakan kes-kes rayuan. Di peringkat provinsi, pesuruhjaya kehakiman dilantik untuk menguruskan hal ehwal kehakiman.Manakala majistret daerah pula membicarakan kes-kes di peringkat daerah.

4.Ketenteraan

Pembesar memainkan peranan dalam bidang ketenteraan. Pembesar di peringkat pusat dilantik untuk mengganggotai Lembaga Peperangan.Lembaga ini menguruskan pelantikan dan pemecatan pegawai tentera. Manakala pemesar di peringkat wilayah pula dilantik sebagai Komandan Tentera. Mereka dibenarkan menubuhkan pasukan tentera di peringkat wilayah dan berperanan untuk memulihkan keamanan dan kestailan politik di

Kawasan masing-masing serta menyediakan antuan ketenteraan kepada pemerintah di peringkat pusat.

5.Ekonomi

Pemesar akan memberi nasihat kepada maharaja dalam aspek kewangan dan percukaian.Pembesar akan dilantik menganggotai Lembaga Hasil Dalam Negara. Antara tugas Lembaga ini ialah mengutip cukai daripada penduduk tempatan dan menguruskan pendaftaran tanah. Mereka juga menyerahkan sebahagian daripada hasil cukai kepada maharaja. Manakala di peringkat provinsi pula, pesuruhjaya dilantik untuk menguruskan hal ehwal kewangan. Terdapat juga pesuruhjaya yang menguruskan garam, cukai dan bijirin. Majistret daerah pula ditugaskan mengutip cukai di peringkat daerah.

6.Keagamaan

Pembesar memainkan peranan sebagai ketua agama di peringkat pusat dan wilayah. Di peringkat pusat, pembesar dilantik mengetuai Lembaga Upacara. Lembaga ini berperanan untuk mengetuai upacara diraja dan upacara korban. Manakala di peringkat wilayah pula, pembesar dilantik oleh maharaja untuk menguruskan hal ehwal keagamaan dan mengetuai upacara ritual diperingkat wilayah.

7.Pendidikan

Pembesar-pembesar di China adalah terdiri daripada golongan cerdik pandai. Mereka memainkan peranan penting dalam bidang Pendidikan dan pembelajaran. Mereka juga membantu maharaja mengendalikan peperiksaan perkhidmatan awam. Pembesar di peringkat pusat diberi tanggungjawab untuk menguruskan Akademi Hanlin yang menyelenggara kitab-kitab dan ensiklopedia. Mereka juga mengumpul maklumat mengenai pemerintah dan menerbitkan biografi pemerintah.

Kesimpulan

Pembesar memainkan peranan penting untuk membentuk sebuah negara maju dan stabil dari segi politik, ekonomi dan sosial. Pembesar merupakan tulang belakang maharaja untuk mempertahankan kedudukannya dan menjalankan pemerintahan secara sistematik.

3. Bincangkan langkah-langkah yang diambil oleh Raja Louis XIV untuk mengukuhkan sistem pemerintahan beraja mutlak di Perancis.

Pendahuluan

Sistem pemerintahan beraja mutlak bermaksud system pemerintahan raja yang tidak dikawal oleh Parlimen. Segala titah perintah raja dianggap sebagai undang-undang. Menjelang abad ke-17, Raja Louis XIV ditabalkan sebagai pemerintah Perancis. Baginda juga dikenali sebagai Grand Monarch memerintah Peancis selama 72 tahun. Raja Louis berjaya mengukuhkan kuasa melalui langkah-langkah yang diambil untuk memusatkan kuasanya.

Isi - Antara langkah yang diambil oleh Raja Louis XIV untuk mengukuhkan kuasanya ialah

1. Dasar dalam Negara

Baginda menyusun semula pentadbiran pusat negara kepada empat majlis iaitu Majlis Negara, Majlis Despatcher, Majlis Kewangan dan Majlis Privy. Baginda juga melantik menteri-menteri yang berkebolehan untuk melicinkan pentadbiran seperti Colbert sebagai Menteri Kewangan dan Louvois sebagai Menteri Peperangan. Baginda juga menggunakan intendent iaitu pegawai-pegawai untuk melaksanakan dasar-dasar diraja di province. Mereka menyelia pentadbiran keadilan, pengutipan cukai dan pentadbiran ketenteraan di peringkat province. Raja Louis juga percaya gaya hidup mewah mampu mengukuhkan kuasa mutlak raja. Oleh itu baginda mendirikan istana besar di Versailles dan di beberapa tempat lain. Golongan bangsawan juga dikehendaki berada di istana raja untuk mendapatkan sokongan dan sumber kewangan daripada Raja. Dasar dalam negara ini telah berjaya meningkatkan sokongan rakyat dan pembesar terhadap pemerintahan Raja Louis XIV.

2.Dasar ketenteraan

Baginda juga melaksanakan dasar ketenteraan untuk memusatkan kuasanya. Baginda juga mendapat bantuan daripada Menteri perang iaitu Louvios untuk melakukan reformasi ketenteran. Baginda juga mempunyai kawalan penuh ke atas angkatan tentera. Dengan itu, baginda dapat menghapuskan kekuasaan golongan bangsawan ke atas ketenteraaan. Selain itu, pegawai-pegawai tentera yang dilantik adalah berdasarkan kelayakan. Kerajaan pusat bertanggungjawab untuk merekrut askar, menyediakan perumahan dan menyediakan makanan untuk mereka. Baginda juga berjaya membina angkatan tentera laut yang kuat sehingga berjaya menyekat kekuasaan laut tentera laut England. Kesannya, tentera laut Perancis muncul sebagai tentera yang terkuat di Eropah.

3. Dasar agama

Baginda melaksanakan dasar agama bagi mendapatkan sokongan daripada penduduk Perancis. Baginda memaksa golongan bukan Katolik(Hugenout) yang beraliran Calvinisme untuk menerima katolik. Baginda juga memansuhkan kod undang-undang Edict of Nantes yang sebelum ini memberi kebebasan kepada golongan ini untuk menganut agama mereka dan dibenarkan memegang jawatan dalam kerajaan. Tindakan Raja Louis membatalkan Edict of Nantes menyebabkan golongan Hugenout tidak diberi kebebasan dalam agama. Tindakan Raja Louis menyebabkan seramai 200 ribu orang Hugenout meninggalkan Perancis dan berpindah ke England, Holland dan Amerika. Namun begitu, tindakan baginda telah mendapat sokongan daripada penduduk Perancis.

4.Dasar ekonomi

Raja Louis melaksanakan dasar ekonomi merkantilisme untuk menambahkan pendapatan Negara agar Perancis muncul sebagai Negara yang kuat dan agung. Colbert, Menteri Kewangan telah melaksanakan dasar ini dengan bersungguh-sungguh. Beliau memperkenalkan industry-industri baharu, memansuhkan tariff tempatan, mengurangkan kadar bunga ke atas hutang kerajaan, mengawal upah dan harga kebanyakan barangan. Langkah -langkah ini telah berjaya meningkatkan pendapatan Negara.

5.Dasar luar Negara

Baginda melaksanakan dasar peluasan kuasa untuk mengukuhkan kedudukannya dan menguatkan Negara Perancis. Wilayah Perancis diperluaskan ke Sungai Rhine. Perancis juga berjaya menguasai wilayah-wilayah yang diperintah oleh Putera-putera Jerman, Negara Spanish, Nerthelands dan United Province.

Kesimpulan

Perkembangan pemerintahan mutlak pada zaman Raja Louis XIV menyebabkan Perancis muncul sebagai Negara yang menguasai ekonomi dan tanah jajahan. Kesannya, Perancis muncul sebagai sebuah Negara yang kuat dan berpengaruh di Eropah pada abad ke-17.

4. Huraikan perkembangan sistem pendidikan di Jerman pada abad ke-18 Masihi dan abad ke-19 Masihi.

A. PENGENALAN

1. Pada abad ke 19 khususnya selepas penyatuan Jerman pada tahun 1871, Jerman telah membangunkan sistem pendidikannya dengan lebih sistemetik dan idealistik mengikut keperluan penduduknya . Aspek pendidikan yang dibangunkan ini meliputi dasar pendidikan, institusi pendidikan, kurikulum, keperluan yang diperlukan oleh guru dan sebagainya.

B . ISI

1. Dasar Pendidikan

i. Pada adab ke 19 sistem pendidikan berada di bawah kawalan kerajaan sepenuhnya iaitu di bawah Menteri Pendidikan yang dibantu oleh lembaga pengelola sekolah di peringkat wilayah dan daerah.

ii. Jabatan Pendidikan awam telah ditubuhkan untuk memudahkan lagi kawalan pusat terhadap institusi pendidikan khususnya dalam hal mata pelajaran, buku buku teks, perlantikan guru dan penyeliaan sekolah.

iii. Ini adalah kesinambungan sejak abad ke 18 lagi apabila raja Jerman telah memperkenalkan kod Undang Undang Sekolah yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak anak ke sekolah

iv. Lembaga Sekolah *(Obersshulcollegium)* ditubuhkan untuk mengawal sekolah sekolah menengah dan sekolah tinggi di Jerman.

v. Segala perbelanjaan untuk sekolah dibantu oleh kerajaan termasuk tanah dan peralatan.

vi. Ini menyebabkan kadar buta huruf di Jerman berkurangan

2. Kurikulum

i Kurikulum yang diperkenalkan di Jerman di semua peringkat sekolah adalah bersifat saintifik berteraskan teori yang mempengaruhi perkembangan mental dan bakat pelajar seperti teori Pestalozi

ii Oleh itu peringkat rendah diberi penekanan subjek Bahasa, Geografi, Sejarah, Muzik, Lukisan, Latihan Jasmani dan matapelajaran Agama.

iii Peringkat Menengah: Kurikulum yang seragam seperti Bahasa Latin, Greek, Jerman, Matematik, Geografi, Agama, Sains Tabii dan matapelajaran Kemanusiaan (Humanisme)

iv Di peringkat universiti pula terdapat pelbagai pengkhususan ilmu pengetahuan di samping menjalankan kajian dan penyelidikan dalam bidang Philology, Egiptologi, Sejarah, falsafah, Psikologi, Kimia , Fizik dan sebagainya.

3. Institusi Pendidikan

i. Menjelang abad ke 19, institusi pendidikan terdiri daripada **sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah teknik dan universiti.**

ii. **Sekolah Rendah** (*Volksschulen*) adalah terbuka dan wajib kepada kanak kanak yang berumur dari 7 hingga 14 tahun yang diajar agama, membaca, menulis mengira, geografi, sejarah dan gimnastik

iii. **Sekolah Menengah** pula terdiri daripada dua aliran iaitu sekolah gymnasium dan sekolah awam *(real-school)* yang mengambl masa selama 9 tahun dengan bayaran yuran sebanyak 5 hingga 27 dollar.

iv. Sekolah gymnasium adalah sekolah untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke universiti dan diberi penekanan pembelajaran Bahasa Latin dan Greek.

v. **Sekolah awam** pula adalah bertujuan untuk melahirkan penduduk Jerman yang mampu berdikari dalam kehidupan seharian. Di institusi ini ditekankan pembelajaran Bahasa ibunda, matematik, sains tabii dan bahasa bahasa moden.

vi. Pada tahap menengah ini, peperiksaan akhir (*abitur*) diperkenalkan di seluruh Jerman dan menjadi pra syarat untuk menceburi profesion yang dipelajari dan perkhidmatan awam.

vii. Sekolah menengah yang dikhaskan untuk pelajar perempuan juga ditubuhkan.

viii. **Pendidikan Teknikal** seperti politeknik dan sekolah perdagangan di tubuhkan untuk menyediakan golongan mahir dalam teknologi, perdagangan dan sektor industri.

ix. **Institus pengajian tinggi** juga berkembang pesat sekitar abad ke19 seperti Universiti Berlin (1810), Munich (1826) Bonn (1818) dan sebaginya. Di institusi ini, terdapat FakultiTeologi, Undang Undang, Perubatan dan falsafah. Setaiap Fakulti mempunyai pelbagai jurusan pengajian.

x. Biasanya Institusi pengajian tinggi ditubuhkan oleh kerajaan negeri dengan bantuan oleh kerajaan. Biasanya ia diuruskan oleh seorang reaktor dan professor. Tenaga pengajar terdiri dari sarjana sarjana dan melakukan penyelidikan dalam pelbagai lapangan ilmu pengetahuan

5. Bincangkan faktor-faktor kebangkitan gerakan nasionalisme di India pada abad ke 20

A. PENGENALAN

1. Ramai sarjana berpendapat bahawa Dahagi India 1857 menandakan permulaan kesedaran kebangsaan dalam kalangan orang India. Namun demikian, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan kesedaran kebangsaan bermula sebelum tahun 1857 lagi seperti Persatuan British India telah ditubuh di Bengal pada tahun 1851. Persatuan Bombay telah ditubuh di Wilayah Residen Barat. Persatuan Bombay mendesak Kerajaan British menambah bilangan orang India dalam sektar perkhidmatan awam. Raja Ram Mohan Roy menubuhkan Brahman Samaj bagi melambangkan simbol kebangkitan di India

B. ISI

1. Pendidikan barat

Pendidikan barat merupakan faktor utama yang melahirkan kesedaran kebangsaan dalam kalangan rakyat India. Matlamat utama kerajaan British memperkenalkan pendidikan barat adalah untuk melahirkan tenaga kerja yang murah dalam kalangan penduduk tempatan.Kerajaan British juga berpendapat pendidikan barat akan menanam semangat kesetiaan rakyat terhadap pemerintahan British.

British melantik Sir Charles Wood untuk mengubal sistem pendidikan pada tahun 1854. Pada tahun 1858 tiga buah universiti model Universiti London ditubuhkan di culcultta,Madras dan Bombay.Mata pelajaran di pusat pengajian tinngi adalah Sejarah ,Falsafah Politik ,Undang-undang, dan Kesusasteraan Barat.

Sistem pendidikan barat melahirkan ramai orang india yang cerdik pandai dan terlibat dalamperkhidmatan awam seperti doktor, peguam, guru dademokrasi,persamaan ,dan hak asasi individu. Sistem pendidikan barat memberi kesedaran kepada tentang penindasan kerajaan kerani. Rakyat terdedah kepada pemikiran barat seperti John locke, Rousseau, mazini, voltaire, Edmund, Burke,dan Thomas Paine. Masyarakat india terdedah kepada konsep t kebebasan British terhadap india. Raja Ram Mohan Roy, W.C.Banerjee, G.K.Gokhale mengerakkan nasionalisme di India

2. Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris turut memainkan peranan dalam membangkitkan kesedaran kebangsaan dalam kalangan rakyat. Bahasa Inggeris berperanan sebagai alat perpaduan yang menyatukan orang India yang terpisah daripada segi agama, bangsa dan wilayah. Terdapat lebih kurang 680 bahasa daerah yang di tuturkan oleh penduduk di seluruh dunia. Bahasa Daerah menjadi batu penghalang bagi menupuk persefahaman dan menyatukan rakyat india .

Penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium perantaraan di sekolah-sekolah dapat menghalang masalah kewujudan bahasa-bahasa daerah. Bahasa Ingeris alat perpaduan orang India yang berpisah dari Agama,Bangsa dan Wilayah .

3. Diskriminasi dalam perkhidmatan awam

Kerajaan British mengamalkan diskriminasi dalam pengambilan orang India bagi memenuhi jawatan tinggi dalam perkhidmatan awam. Amalan diskriminasi melahirkan rasa tidak puas hati dalam kalangan golongan terpelajar di India. Akta Piagam 1833 dan akta pekhidmatan awam orng india tidak dihalang memunyang jawatan perkhidmatan awam Namun begitu, kerajaan British tidak mengambil sebarang langkah untuk menguatkuasakan janji-janji yang terkandung di dalam akta.

Kerajaan British menghalang penyertaan orang India dalam perkhidmatan awam dengan mengadakan peperiksaan untuk perkhidmatan awam di britain berdasarkan sukatan pelajaran britain. Pada tahun 1878 kerajaan British tidak mengehadkan umur bagi penyertaan perkidmatan awam daripada 22 kepada 19 tahun. Langkah tersebut untuk menghalang pelajar yang menuntut di universiti daripada menduduki pemeriksaan awam

4. Perkembangan sistem perhubungan dan pengangkutan

Pembinaan sistem perhubungan dan pengangkutan moden turut memainkan peranan dalam mencetuskan semangat kebangsaan dalam kalangan rakyat India. Pembinaan landasan kereta api dan jalan raya menyatukan orang India yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan. Pengenalan sistem perhubungan dan pengangkutan yang cekap meningkatkan mobiliti dan merapatkan hubungan antara mereka. Perkembangan sistem perhubungan dan pengangkutan membolehkan idea nasionalisme dapat disebarkan dengan pantas ke seluruh India.

5. Dasar pentadbiran Lytton

Dasar pentadbiran lord lytton telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat India. Pelbagai akta yang di perkenalkan oleh Lytton seperti akta senjata dan akta akhbar vernakular melahirkan sentimen anti Inggeris.Tindakan kerajaan British untuk mengenakan sekatan terhadap akhbar-akhbar vernakular menyekat kebebasan rakyat untuk menyuarakan pandangan mereka. Lytton mengambil langkah-langkah seperti menggalakkan import dan mengehadkan umur penyertaan perkhidmatan awam kepada 18 tahun.

6. Akta Ilbert 1883

Akta ini diluluskan pas tahun 1883 menarcakkan sentimen antiinggeris dalam kalangan rakyat india. Akta Ilbert memberi kuasa kepada hakim dari keturunan india untuk mengadili dan menjatuhkan hukuman terhadap orang inggeris. Golongan anglo tidak puas hati dan menentang akta tersebut .Golongan anglo menubuhkan persatuan bagi mempertahankan hak mereka

Kerajaan british menarik balik akta tersebut dan menyedarkan orang india tentang perasaan antiIndia yang terpendam hati orang inggeris. Sudemra Nath Bannerjee menganjurkan persidangan orang india bagi menentang kerajaan British.

7. Peranan Akhbar

Akhbar tempatan membangkit kesedaran nasionalisme usaha menerbitkan akhbar sejak tahun 1767.

Pada tahun 1780 akhbar Bengal Gazette,pada tahun 1785 akhar Madras Courier dan Bombay Gazette 1859. Akhbar adalah medium penyuaraakan pandangan rakyat . Akhbar seperti Kesari,The Maratha ,Amrit Bazar Patrika dan Patriot. Akhbar tempatan berperanan dalam melahirkan Kesedaran politik dalam kalangan kelas menengah . Akhbar juga menyebabkan idea mengenai pemerintah sendiri dan amalan demokrasi dalam kalangan rakyat tempatan.

8. Kajian Terhadap Keagungan Silam

Golongan cendikiawan yang berpendidikan inggeris menjalankan keagungan silam masyrakat indin klasik. Kajian mengenai zaman kegemilangan india buat semasa pemerintahan tokoh Asoka dan Chandragupta. Kajian mengenai kemajuan yang dicapai oleh masyarakat india dalam bidang Astronomi,Sains,Falsafah,Matemaik ,Perubatan Dan Kesenian. Kajian seperti ini dapat melahirkan keyakinan dan kebangaan orang india terhadap kebudayaan k

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 5 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar